




## Tingkat Bawah 1

Pameran khas dianjurkan secara berkala. Pengunjung boleh membaca pengalaman peribadi berkaitan peristiwa pengeboman atom.



### 3 Kawasan Pameran Khas



Satu pameran yang memaparkan pengalaman peribadi berkaitan pengeboman atom di bawah tema yang khusus. Tanda ingatan berkaitan pengalaman peribadi tersebut turut dipamerkan.


Dewan Peringatan Keamanan Kebangsaan Hiroshima untuk Mangsa Bom Atom telah ditubuhkan oleh kerajaan Jepun pada Ogos, 2002 bagi memperingati dan meratapi pengorbanan suci mangsa bom atom. Dewan Peringatan ini juga merupakan suatu pernyataan hasrat Jepun untuk keamanan yang tulen dan berkekalan.

Dewan ini direka bentuk untuk menyampaikan kebenaran mengenai tragedi tersebut kepada seluruh dunia dan memastikan bahawa generasi akan datang akan mengambil iktibar daripada peristiwa tersebut.



#### Tugu menunjukkan jam "8:15"

Bagi meratapi mangsa yang mencari air, sebuah air pancut telah dibina di sekitar tugu yang menunjukkan detik bom atom dijatuhkan; jubin bumbung yang terbakar dalam letupan ditemui semasa kerja pembinaan juga kini dipamerkan.




### 4 Perpustakaan



Para pengunjung boleh mencari, membaca dan menyaksikan pengalaman peribadi pengeboman atom, video testimoni (kira-kira 20 min.), serta video bahan-bahan dalam simpanan dengan menggunakan panel sentuh.

Bahan-bahan boleh didapatkan dalam **bahasa Jepun, Inggeris, Cina dan Korea**. Beberapa pengalaman peribadi juga telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa lain. Para Pengunjung juga dialu-alukan untuk mengakses bahan-bahan yang disimpan di Dewan Peringatan Keamanan Kebangsaan Nagasaki untuk Mangsa Bom Atom.



## Dewan Peringatan Keamanan Kebangsaan Hiroshima

### untuk Mangsa Bom Atom



**Barat**

Sekolah Rendah Honkawa Dewan Promosi Perindustrian Wilayah Hiroshima (Kubah bom Atom) Persatuan Perdagangan, Industri dan Ekonomi Wilayah Hiroshima

**Utara**

Gerbang Torii ke Tempat Suci Hiroshima Gokoku Chiyoda Mutual Life Insurance Co. Bank Geibi

**Timur**

Pemandangan bandaraya yang dibom dilihat dari kawasan berdekatan hipopusat \*Foto oleh Tentera AS pada Oktober 1945

Ini adalah tempat di mana seseorang itu boleh mengingati mangsa bom atom dan berfikir tentang keamanan. Pengunjung boleh mencari dan melihat foto si mati dan membaca senarai nama mereka.

Lereng  
Air pancut awam

**Tingkat Bawah 2**

**Doa/Lihat [Tingkat Bawah 2]**

**Doa** **Dewan Peringatan**

Ini adalah tempat untuk meratapi mangsa bom atom secara bertafakur dan berfikir tentang keamanan. Pemandangan kota yang dibom dilihat dari kawasan berdekat hipopusat yang dicerminkan pada permukaan dinding dengan kira-kira 140,000 jubin, menunjukkan jumlah mangsa yang terkorban akibat bom atom.\* Senarai nama daerah dalam Bandaraya Hiroshima pada masa pengeboman dipaparkan di bawah.

\*Bilangan mangsa setakat Disember 1945

**Lihat** **2 Kawasan Maklumat Mangsa**

Foto mangsa bom atom dan senarai nama mereka dipaparkan untuk menyampaikan fakta bahawa begitu ramai insan yang telah terkorban akibat bom atom.

**12 Paparan Beberapa Skrin Besar**

Potret dan nama si mati yang disumbang oleh keluarga yang kehilangan ahli keluarga ditayangkan seorangan demi seorang.

**Alat untuk Mencari Mangsa Bom Atom**

Pengunjung boleh mencari mangsa individu mengikut nama.

**Timur**

Bank Sumitomo Bank Sanwa Bangunan Hiroshima Fukoku Dewan Perhimpuan Bank Hiroshima Syarikat Gas Hiroshima Pulau Ninoshima

**West**

Dewan Bahan Api (Rumah Rehat) Jambatan Motoyoshi

Sebagai tanda berkabung atas kehilangan nyawa akibat pengeboman atom, kami berikrar untuk menyampaikan perkara sebenar mengenai tragedi ini ke seluruh Jepun dan dunia, untuk tatapan generasi akan datang agar mereka mengambil iktibar, daripada sejarah silam dan membina dunia yang aman serta bebas daripada senjata nuklear.

**Bacaan Awam Pengalaman Peribadi berkenaan Pengeboman Atom [Percuma]**

Dewan kami menganjurkan bacaan awam yang berkala (**Ahad kedua dan Jumaat keempat setiap bulan**) dalam Bahasa Inggeris untuk pengunjung dari luar negara. Jika anda mahu kami menganjurkan bacaan awam, sila hubungi kami dua minggu sebelum acara terlebih dahulu.

**Pertanyaan / permohonan**

Dewan Kenangan Keamanan Kebangsaan untuk Mangsa Bom Atom  
[info@hiro-tsuitokinikenkan.go.jp](mailto:info@hiro-tsuitokinikenkan.go.jp)

**Masuk Percuma**

1-6, Nakajima-cho, Naka-ku, Hiroshima, 730-0811 (dalam Taman Kenangan Keamanan)

**Timur Tugu Peringatan untuk Mangsa Bom Atom**

[Tugu Peringatan untuk Hiroshima, Bandaraya Keamanan]  
TEL:082-543-6271 FAKS:082-543-6273

**Waktu Operasi**

Mac hingga Julai: 8:30 pg. hingga 6:00 ptg.  
Ogos: 8:30 pg. hingga 7:00 mln.  
(Hingga 8:00 mln. pada hari ke-5 dan ke-6)  
September hingga November: 8:30 pg. hingga 6:00 ptg.  
Disember hingga Februari: 8:30 pg. hingga 5:00 ptg.

**Ditutup pada** 30 dan 31 Disember

**Pengangkutan**

Dari Stesen JR Hiroshima (Pintu Keluar Selatan) \*kira-kira 5 minit selepas turun dari bas atau trem  
Bas...Ambil Bas Hiroshima (bas merah) menghala ke Yoshijima dan turun di Hondori (Kira-kira 20 min.)  
Trem...Ambil trem menghala ke Pelabuhan Hiroshima (Ujina) melalui Kamiya-cho dan turun di Hondori (Kira-kira 20 min.)  
Ambil trem menghala ke Miyajima-guchi atau Eba dan turun di Genbaku Dome-mae (Kira-kira 20 min.)  
Tiada lot parkir.

<https://www.hiro-tsuitokinikenkan.go.jp/> Hiroshima Peace Memorial Hall for the Atomic Bomb Victims Cari

Jika anda mahu melihat bahan mengenai pengeboman, sila kunjungi Muzium Peringatan Keamanan Hiroshima. Perjalannya mengambil masa dua minit ke selatan dari dewan kami.

Bekas Bekal Makanan Yang Telah Hangus

Pakaian Seragam Musim Panas Pelajar Wanita Yang Telah Terbakar

Pakaian Seragam Pelajar yang Dikerahkan